

TARIKH : 3.12.2019  
MEDIA : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

## Hanya 1,498 daripada 20,000 rumah PGBF siap

**KUALA LUMPUR -** Prestasi Projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) menghampakan kerana setakat 30 April 2019, hanya sebanyak 1,498 rumah disiapkan berbanding sasaran sebanyak 20,000 rumah untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun mulai 2013. Menurut Laporan Ketua



Audit Negara Siri 2, 2018, bagi aspek pengurusan projek pula, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan, perancangan projek, pelantikan kontraktor projek, pentadbiran kontrak dan pemantauan, antaranya urusan hak milik tanah enam projek PGBF yang telah memperoleh Certificate

of Completion and Compliance (CCC) masih belum selesai.

Audit juga mendapati kesemua 37 kontraktor projek PGBF yang dilantik memulakan kerja pembinaan sebaik sahaja Surat Setuju Terima (SST) diterima tanpa mendapat kelulusan Kebenaran Merancang terlebih dahulu. - *Bernama*